



UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebutharga berikut:

Bil	No./ Tajuk Sebutharga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa & Tempat Taklimat
1.	PPN.PK (S) 136/2017 (IT)	210101 – Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah komputer dan pencetak	<b>Tarikh &amp; Masa:</b> <b>12 Mei 2017</b> <b>(Jumaat) &amp; 10.00 pagi</b>  <b>Tempat :</b> <b>Bilik Mesyuarat 2, Aras</b> <b>1, Jabatan Perhutanan</b> <b>Negeri Perak</b>

1. Kontraktor-kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja dibenarkan mengambil dokumen sebutharga. Bagi kontraktor yang menghantar wakil, surat perwakilan hendaklah dibawa ketika taklimat. Dokumen Sebutharga boleh didapati di **Unit Teknologi Maklumat, Aras 1, Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak** mulai **12 Mei 2017** hingga sehari sebelum tarikh tutup pada waktu pejabat.
2. Sila kemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak** semasa lawatan tapak untuk pengesahan.
3. Tawaran sebutharga hendaklah **dibuat berdasarkan kepada spesifikasi bekalan/perkhidmatan di Lampiran Q** yang disertakan.
4. Dokumen sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan dimasukkan dalam sampul surat bersaiz 23cm x 16cm dan ditulis **Nombor Sebutharga** berkenaan di penjuru kiri bahagian atas sampul surat tersebut dan dialamatkan kepada :

**Jabatan Perhutanan Negeri Perak,  
Persiaran Meru Utama,  
Bandar Meru Raya,  
30020 Ipoh,  
Perak.**

5. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak.**
6. Tawaran ini akan ditutup pada **26 Mei 2017 (Jumaat), tepat jam 12.00 tengahari.** Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan. Kerajaan Negeri juga tidak terikat untuk menerima sebutharga tawaran yang terendah atau sebarang sebutharga.
7. Ibu Pejabat Perhutanan Negeri Perak juga tidak bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat oleh penyebutharga sekiranya sebutharga ini dibatalkan.
8. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai sebutharga, hendaklah berurusan dengan Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

**Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri  
Perak Darul Ridzuan**